



Received: 2019-08-25

Accepted: 2019-10-30

Published: 2019-11-20

Original Article

Penerapan Elemen Kerohanian terhadap Remaja Berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID)

Noor Hafizah Mohd Haridi^a, Norsaleha Mohd Saleh^a, Khairul Hamimah Mohammad Jodi^b

^a Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Selangor, Malaysia

^b Open University of Malaysia (OUM), Malaysia

*Corresponding author, email; noorhafizah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pendidikan kerohanian adalah bertujuan mendidik umat Islam agar senantiasa beriltizam dengan amalan ibadah sehingga dapat merasakan nikmat dan kepuasan jiwa, sentiasa gemar melakukan amalan-amalan tersebut serta dapat membentuk kekuatan hati melalui didikan ibadah. Pendidikan kerohanian merupakan asas dalam pembentukan individu dan penting dijadikan sebagai mekanisme dalam membentuk jati diri remaja khususnya remaja berisiko. Kajian ini bertujuan menganalisis elemen kerohanian menurut perspektif Islam, menjelaskan kepentingan penerapan elemen kerohanian dalam diri remaja dan membangunkan model kerohanian terhadap remaja berisiko di institusi pemulihan akhlak Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual melibatkan pengurusan di institusi pemulihan. Hasil kajian ini menunjukkan elemen kerohanian diterapkan dalam program pemulihan terhadap remaja berisiko.

Kata kunci: Kerohanian, Remaja Berisiko, PERKID

Pengenalan

Dalam era globalisasi, manusia mengejar kejayaan sejajar dengan arus pemodenan yang semakin meningkat. Justeru, pelbagai program telah dilaksanakan agar tidak tercicir serta setanding antara satu sama lain. Kebanyakan masyarakat hari ini, terlupa bahawa manusia yang terdiri dari dua unsur rohani dan jasmani memerlukan tuntutan yang seimbang. Mereka hanya memenuhi pembangunan bersifat material sahaja tanpa memberikan penekanan terhadap aspek rohani atau pembinaan sahsiah. Sedangkan Islam menuntut umatnya agar cemerlang dalam kedua-dua aspek tersebut. Malah, aspek sahsiah itulah yang lebih utama. Ini kerana bermula dari sinilah maka cabang-cabang kecemerlangan yang lain atau pembangunan fizikal dapat dilahirkan kerana manusia bermula dari dalam diri manusia itu sendiri (Mohd. Nasir, Azmishah, Ramli, Sayed Mahussain & Zulkiflee, 2006).

Justeru, unsur yang sangat penting dalam mempengaruhi kualiti peribadi seseorang individu muslim adalah penghayatan agama yang baik. Bukan itu sahaja, malah penghayatan agama juga mampu melahirkan individu yang cemerlang sahsiah atau peribadi dan seimbang dari segi

jasmani, rohani, intelek, emosi dan sosial. Sekiranya proses penerapan nilai-nilai agama dapat dilakukan dengan berkesan dan berterusan maka penghayatan agama yang baik akan terlaksana. Penerapan nilai-nilai agama ini secara khususnya boleh dilaksanakan melalui pelaksanaan program-program bercorak kerohanian yang boleh dilakukan samada secara formal atau tidak formal (Baharin, Aminatuzuhariah, Mohd Farhan & Norsamsiah, 2008).

Pendidikan terhadap golongan remaja hendaklah diisi dan diberikan pendedahan mengenai Islam dengan sejelas-jelasnya dan disepadukan dengan penghayatan yang dituntut oleh Islam. Jika dibiarkan dengan tidak diorientasikan dan ditarbiyyah dengan Islam, maka kelak mereka akan menerima dan terpengaruh dengan sistem yang palsu serta sesat. Akhirnya, membawa kelumpuhan dan ketandusan kepada para penggerak Islam itu sendiri. Oleh itu, program dan kegiatan Islam untuk generasi remaja perlu disusun dan dilaksanakan segera terutamanya di sekolah-sekolah memandangkan institusi ini agak sesuai dan mudah untuk menggerakkan dan mengumpulkan pelajar-pelajar (Mohd Ismail & Salini, 2010).

Program kerohanian merupakan aktiviti-aktiviti yang lebih kepada keagamaan yang mampu membina jati diri yang mantap dalam kalangan pelajar di sekolah sekiranya dilaksanakan sejajar dengan keperluan para pelajar (Syarifah Nooraida & Syarifah Fatimah, 2011). Justeru, aktiviti-aktiviti yang menekankan elemen kerohanian adalah suatu ikhtiar untuk membina potensi diri setiap insan. Adalah amat penting bagi setiap pelajar mempelajari dan memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan kerohanian bagi membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah. Individu yang terbina rohani, jasmani, akal dan emosinya adalah mereka yang dapat memimpin diri dan juga orang lain ke arah kecemerlangan dan keberkatan di dunia dan akhirat.

Walau bagaimanapun, jika elemen kerohanian tidak diterapkan dalam kehidupan seharian, maka pelbagai masalah sosial akan timbul. Bukan itu sahaja, pelbagai krisis akhlak dan moral terus menular, merebak dalam masyarakat kita terutamanya yang melibatkan remaja. Sebagaimana laporan di media massa (Utusan Online, 2011), penglibatan golongan remaja berusia antara 15 hingga 20 tahun dalam kegiatan jenayah dilihat semakin membimbangkan apabila indeks jenayah pembabitannya mereka kini mengalami peningkatan yang drastik. Menurut laporan dari Faizatul Nadia (Utusan Online, 2014), berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) mencatatkan bahawa pertambahan sebanyak 5,305 kes juvana iaitu 3,399 kes pada tahun 2012 dan 8,704 kes pada tahun 2013. Gejala sosial yang berlaku sedikit sebanyak merosakkan perkembangan sahsiah para pelajar. Walaupun kebanyakan pelajar-pelajar Islam hari ini telah didedahkan dengan pengajian agama Islam di sekolah, namun penghayatannya masih kurang diberi penekanan.

Remaja Berisiko

Alam remaja dikatakan sebagai saat yang rapuh kerana pada peringkat ini, mereka terdedah kepada pelbagai pengaruh serta tekanan luar yang kebanyakannya menjerumuskan kepada perkara negatif. Apabila terpedaya dengan pengaruh negatif yang mengkhayalkan, akhlak remaja mudah rosak sehingga menimbulkan pelbagai masalah seperti salah laku dan juvenil. Keruntuhan akhlak dan kemerosotan disiplin remaja boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu:

1. Salah laku dan jenayah yang dilakukan oleh pelajar seperti :
 - Membunuh

- Mencuri
- Menyalahgunakan dadah
- Rogol
- Samun
- Senjata api dan lain-lain

2. Salah laku yang melibatkan kesalahan ringan seperti :

- Ponteng (Termasuk salah laku seperti ponteng sekolah, ponteng kelas dan kerap keluar kelas).
- Tidak patuh arahan (Kategori ini mencakupi salah laku seperti tidak memberi perhatian kepada pelajaran, tidak membuat kerja rumah, tidak membawa buku, tidur di dalam kelas dan tidak mengikuti pelajaran yang diajar).
- Gangguan pengajaran (Antara salah laku kategori ini adalah membuat bising, merosakkan alat bantu mengajar, mengganggu kawan semasa guru mengajar dan mempertikai ajaran guru).
- Tidak sopan (Salah laku tidak sopan adalah berpakaian tidak kemas dan bercakap kasar dengan guru). (Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad, 2006).

Masalah sosial merangkumi pelbagai perlakuan negatif anggota masyarakat yang boleh menjejaskan kekuatan sistem dan struktur ekonomi serta kestabilan sosial sesuatu masyarakat atau Negara. Pada umumnya, masalah sosial berkisar di sekitar bidang kesihatan, pendidikan, kehidupan keluarga, persekitaran perbandaran yang tidak mesra insan, kemiskinan dan kehidupan komuniti yang kurang sihat. (Sayed Abdul Rahman bin. Sayed Mohd, 1997).

Pelbagai pendekatan telah diambil oleh para sarjana dalam bidang sosiologi bagi mendefinisikan masalah sosial. Eitzan (1984) menghuraikan bahawa masalah sosial ialah keadaan dalam masyarakat (seperti kemiskinan, perkauman dan proses penuaan) yang mendorong kepada penderitaan fizikal atau material kepada sesetengah kumpulan populasi. Ini berkaitan dengan fenomena sosio budaya yang menghalang sebilangan ahli masyarakat untuk membangun dan menggunakan potensi diri mereka sepenuhnya. (Amna Md. Noor dan Asnarulkhanda Abu Samah, 2009).

Sejak sekian lama masyarakat kita telah banyak membicarakan mengenai gejala sosial terutamanya yang melibatkan golongan remaja. Pada dasarnya, gejala sosial dilihat sebagai satu perlakuan manusia yang terkeluar dari batas-batas normal baik dari aspek politik, sosial serta budaya kehidupan masyarakat.

Masalah sosial adalah sesuatu yang merangkumi pelbagai perlakuan atau tindakan negatif anggota masyarakat yang tidak membawa sokongan dan keuntungan kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat, komuniti atau negara. Secara mikronya, di suatu peringkat pertumbuhan ekonomi, kemiskinan dan lain-lain faktor penghasilannya yang negatif dianggap sebagai masalah sosial dan masalah ekonomi. Begitu juga proses inter dan intra penghijrahan dan perbandaran yang seringkali dikaitkan dengan kemiskinan

di bandar, kejutan budaya dan jurang pencetus utama kepada masalah sosial. (Roslan Bin Mohamed, 2009)

Kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat di kalangan remaja dan pelajar membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah. Bagi remaja yang terlibat dalam gejala negatif ini sudah pasti mempunyai sebab-sebab tersendiri mengapa mereka berkelakuan demikian. Di antara faktor berlakunya gejala sosial di kalangan remaja ialah perubahan fizikal yang cepat dan kematangan jantina, kedudukan sebagai manusia pinggir dan keperluan untuk menyediakan diri untuk dunia dewasa. (Azizi Yahya, 2012).

Golongan pelajar yang melanggar norma masyarakat setempat atau dalam institusi persekolahan dikenali sebagai devian dan delinkuen. Bagi sesetengah individu mungkin perkataan ini asing bagi mereka kerana ia jarang digunakan dalam masyarakat kita hari ini. Masyarakat lebih gemar meletakkan label bagi kumpulan ini sebagai samseng, perogol, kaki ponteng, penagih dadah, homoseksual, lesbian dan sebagainya. Mereka yang melanggar norma masyarakat setempat inilah dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian dan apabila golongan ini melibatkan remaja yang masih bersekolah atau belia maka mereka ini dikategorikan sebagai bertingkah laku delinkuen.

Definisi Devian

Menurut Siegel, tingkahlaku devian didefinisikan sebagai apa sahaja perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial, iaitu sebahagian daripada tingkah laku jenayah. (Affizal bin Ahmad, 2008). Tingkah laku devian terutama tingkah laku seksual dianggap sebagai sesuatu yang ganjil dan tidak bermoral serta tidak dapat diterima masyarakat setempat. Menurut Albert Cohen devian bermaksud kelakuan yang melanggar jangkauan yang diinstitusikan, iaitu jangkauan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial. (Azizi Yahaya, 2005).

Terma delinkuensi didefinisikan sebagai pola "tingkah laku" yang tidak dibenarkan, dilakukan oleh sekumpulan kecil individu, dan hal ini juga merujuk bahawa para remaja menempatkan diri mereka dalam satu kedudukan sebagai seseorang yang mempunyai kuasa. (Affizal Ahmad, 2008) Delinkuen juga ditakrifkan sebagai perbuatan jenayah kecil seperti perbuatan merosak, terutama sekali apabila dilakukan oleh remaja. (Noresah bt Baharom, 2002).

Tingkah laku delinkuen merujuk kepada pola-pola tingkah laku daripada jenayah berunsur keganasan terhadap orang dan harta benda (contoh; keganasan seksual, merompak sehingga kepada perbuatan mengambil minuman keras dan pelbagai kesalahan kecil khas dirujuk kepada umur kanak-kanak dan remaja, contoh; pembelian minuman keras, lari dari rumah, aktiviti sosial berunsur seks). Delinkuen juga disamakan maksudnya dengan devian. Devian ialah orang yang berlainan dari segi akhlak dan lari daripada nilai piawai sosial yang dianggap biasa.

Oleh itu, jelaslah devian dan delinkuen membawa maksud tingkah laku yang melanggar norma-norma dan masyarakat tertentu. Devian lebih merujuk kepada tingkah laku ini secara umum manakala delinkuen pula menumpukan kepada sesuatu had umur yang lebih menumpukan para pelajar sekolah dan belia. (Azizi Yahaya,

Satu pendekatan yang paling popular telah dikemukakan oleh Jessor dan rakan-rakan. Menurut teori tingkah laku bermasalah yang dikemukakan itu, mereka berpendapat sebab utama kecelaruan luaran remaja ialah sifat ketidak konvensional dalam tingkahlaku dan persekitaran sosial remaja. Individu yang tidak konvensional rata-rata agak devian, tidak terlibat dengan sebarang institusi sekolah atau agama dan sangat liberal dalam pandangan sosial. Persekitaran

tidak konvensional pula diwujudkan oleh kebanyakan individu yang tidak konvensional. (Donovan, J, dan Jessor, R, 1985).

Individu yang tidak konvensional lebih cenderung untuk terlibat dalam tingkahlaku mengambil risiko termasuk percubaan menghisap dadah, mengadakan hubungan seks bebas, aktiviti delinkuen dan memandu tanpa mematuhi undang-undang. Oleh itu, sebab utama satu-satu masalah tingkahlaku nampaknya wujud seiring dengan masalah yang lain kerana individu tidak konvensional dalam persekitaran yang tidak konvensional lebih cenderung terlibat dalam pelbagai aktiviti berisiko (Jessor, Richard, 1987).

Menurut kajian Halcomb (1991), personaliti remaja mempunyai masalah tingkah laku seperti berikut (Zainal dan Mohd.Sharani, 2006)

- a. Mempunyai hubungan sentimental tetapi kasar dengan orang lain dan selalu terlebih yakin dengan keupayaan mereka.
- b. Kehidupan harian tidak teratur dan tidak peka pada peraturan.
- c. Lebih menggemari situasi yang tidak dapat dijangka ataupun berunsur suspens.
- d. Mempunyai potensi mempengaruhi orang lain.
- e. Bercakap kasar, tidak bertimbang rasa dan tidak sabar dengan kelemahan atau kekurangan orang lain.
- f. Berasa kehidupan keluarga tidak memuaskan, kurang kasih sayang dan mempunyai tahap konflik yang tinggi.
- g. Mempunyai kepercayaan diri yang rendah dalam keupayaan mencapai kepuasan akademik yang baik.
- h. Mengalami ketidak selarasan antara dirinya yang ideal dan dirinya yang sebenar di mana mereka kadang-kadang bermasalah mencapai identiti yang diinginkan .
- i. Kurang kepercayaan bagi mengawal kehendak impulsif

Perkid

Pada awal tahun 1996, pengerusi PERKID iaitu Ustaz Masridzi Bin Sat dengan kerja sama Ustaz Haji Hassan Syazili dan Tuan Guru Haji Shuhod bersepakat menubuhkan sebuah institusi Pusat Pemulihan Dadah secara Islam yang dinamakan 'Darul Islah'. Pusat tersebut dibina di atas sebuah kawasan tapak seluas 10 ekar milik Tuan Haji Ahmad Shuhod iaitu di alamat No.5, Jalan Sultan Sungai Tegar, Sg Air Tawar, Sabak Bernam Selangor.

Pusat ini telah didaftarkan di bawah "Akta Rawatan Dan Pemulihan Dadah 1983", Agensi Dadah Kebangsaan dan diiktiraf oleh Kementerian Dalam Negeri(KDN). Sejak itu, beratus malah beribu orang pesakit gejala sosial dari dalam negara ini datang untuk menjalani rawatan pemulihan khususnya kes dadah, akhlak dan juga akidah. Kemudian pada awal tahun 1998, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah meminta bantuan daripada Darul Islah untuk menyelamatkan, merawat dan memulihkan mangsa-mangsa kes gadis-gadis melayu yang diheret oleh teman lelaki bukan Islam mereka ke kancah zina dan murtad.

Oleh kerana Darul Islah menghadapi pelbagai tentangan daripada musuh-musuh Islam akibat dari cubaan kes-kes ini, maka pengerusi PERKID yang ketika itu memegang jawatan pengarah Darul Islah diminta oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor supaya

mendaftarkan Darul Islah sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Pada tahun 1999, pengerusi PERKID telah membentuk satu ahli jawatankuasa penaja penubuhan dan seterusnya menghantar permohonan untuk mendaftarkan pertubuhan ini kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia (Yunus, Don, & Shafie, 2011). Pendaftaran telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia bertarikh 17 Mei 2000 di atas nama "Pertubuhan Kebajikan Darul Islam Selangor" atau ringkasnya "PERKID". Pejabat urusan pertama PERKID bertempat di No.5 Jalan Sultan Sungai Tegar, Sg Air Tawar, Sabak Bernam Selangor. Kemudian berpindah ke Tngkt 1, PT 1578, Medan Sungai Besar, Jalan Sungai Limau 45300 Sg. Besar Selangor. Seterusnya pada awal tahun 2001, pejabat urusan kemudiannya dipindahkan ke Gombak dan beberapa bulan kemudian dipindahkan ke Subang Jaya. Sejak dipindahkan ke Subang jJaya, PERKID mula diikuti oleh pelbagai golongan profesional. Pada April 2002 hingga Januari 2004, pengerusi PERKID telah dipanggil untuk menjadi pengasas kepada penubuhan Pusat Pemulihan Dadah Kerajaan Negeri Terengganu atau ringkasnya (KESIHAT). Ketika itu, Jabatan Pengerusi PERKID dipangku oleh Ir. Tuan Haji Baharudin Abdullah (Yunus, Don, & Shafie, 2011).

Menurut Ahmad Redzuwan (2011) lagi perasmian pejabat urusan PERKID Subang Jaya berjaya diadakan dengan dirasmikan oleh YB Datin Paduka Hajah Nurkhaila Jamaluddin iaitu Yang Dipertua Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor. Apabila pengerusi PERKID kembali ke Selangor pada Januari 2004, pejabat PERKID telah diputuskan oleh AJK untuk dipindahkan ke Tingkat.7, Wisma Yakin, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur kerana mesyuarat menerima tawaran Encik Zulkifli Nordin (penasihat undang-undang PERKID) pada bulan Mac untuk menyewakan pejabatnya. Namun hubungan dengan Encik Zulkifli tidak dapat bertahan lama kerana berlaku beberapa masalah dalaman. Kemudian dipindahkan ke No17-2A, Jalan 15/1A Seksyen 15, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor iaitu pada September 2004.

Kemudian pejabat operasi dipindahkan ke No.17A, Jalan Ampang 2/2 Bandar Ampang, Ampang Selangor. Walaupun pejabat urusan PERKID berubah dari satu tempat ke satu tempat, namun PERKID terus melangkah dengan tabah memberikan perkhidmatan membantu masyarakat samada melalui program pencegahan atau pemulihan hingga ke hari ini. Manakala pengerusi PERKID pula, setelah kembali dari berkhidmat dengan PEMADAM Negeri Terengganu, beliau telah menubuhkan Rumah Kebajikan PERKID yang berdaftar dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM).

Rumah kebajikan ini beroperasi di alamat No.15, Jalan Sentosa 20, Taman Desa Sentosa, Dusun Tua 43100 Hulu Langat Selangor. Rumah kebajikan ini menumpukan kepada aktiviti-aktiviti rawatan perubatan Islam di Baitul Syifa' pada setiap khamis malam Jumaat serta merawat dan mentarbiah gadis-gadis Melayu yang dihantar oleh keluarga untuk dipulihkan di Asrama Raudatus Solehah.

Walaupun mengalami pelbagai ujian dalaman dan luaran, namun PERKID berjaya juga melangkah maju hingga dikenali oleh pelbagai pihak dan kini mampu berperanan sebagai NGO Islam yang aktif dalam memberikan perkhidmatan kepada kes-kes aduan mangsa gejala sosial dan masyarakat di negara ini (Masridzi Bin Sat, 2018)

PERKID didaftarkan sebagai sebuah badan bukan NGO di bawah Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Pendaftarannya bertarikh 17 Mei 2000 dengan no pendaftaran 562.

Elemen kerohanian yang diterapkan oleh Perkid

Kajian mendapati terdapat 3 elemen kerohanian yang diterapkan dalam program-program yang dijalankan oleh Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia iaitu elemen syariat, elemen akhlak dan elemen ketuhanan.

SYARIAT, Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID) sangat mengambil berat amalan solat terutamanya solat fardhu dan ditambahkan lagi dengan solat tahajjud. Setiap anak didik di Rumah Sahabat PERKID diwajibkan untuk menunaikan solat kerana ia merupakan tiang agama. Solat pula terbahagi kepada dua iaitu solat fardhu dan juga solat *nawafil* iaitu solat sunat.

Solat fardhu dilakukan setiap kali masuk waktunya iaitu solat subuh, solah zohor, solat asar, solat maghrib dan solat isya'. Solat *nawafil* pula adalah seperti solat dhuha, solat taubat, solat hajat dan banyak lagi. Solat secara berjemaah dijadikan salah satu cara proses pemulihan di pusat ini adalah kerana melaluinya pelatih-pelatih akan berada dalam sebuah keluarga yang besar dan dipenuhi dengan ikatan kasih sayang sesama mereka.

Justeru itu, kasih sayang yang lahir dari ukhwah yang terjalin dapat menggantikan kasih sayang dari keluarga sendiri yang secara tidak langsung dapat menjadikan mereka rasa dihargai dan disayangi walaupun telah dimasukkan ke pusat ini.

Sesungguhnya perasaan kasih sayang dapat melembutkan dan menjinakkan hati yang keras serta dapat melahirkan semangat bersatu padu sesama pelatih. Bagi pelatih-pelatih lelaki mereka akan solat secara berjemaah di Surau Riyadus Solihin di mana imam dan bilal juga dalam kalangan pelatih sendiri kadangkala akan diimamkan oleh pengerusi PERKID itu sendiri iaitu Ustaz Masridzi bin Sat. Pelatih-pelatih yang telah hampir tamat kontrak atau pengajian dan berkelakuan baik akan dilantik untuk mengetuai program-program keagamaan seperti mengetuai bacaan wirid dan zikir sebelum atau selepas solat. Hampir keseluruhan pelatih di sini mampu menghafal wirid dan zikir dalam tempoh yang ditetapkan. (Yunus, Don, & Shafie, 2011)

Qiamulail juga merupakan salah satu proses pemulihan yang dijalankan oleh pihak PERKID kepada para pelatih. Qiamulail ialah bangun beribadat pada waktu malam. Antara ibadah-ibadah yang biasa dilakukan dalam qiamulail ini ialah solat-solat sunat seperti solat sunat hajat, solat sunat tahajjud, solat sunat taubat, witr dan lain-lain serta amalan-amalan membaca al-Quran, berzikir, beristighfar dan berdoa. (Yunus, Don, & Shafie, 2011)

Di pusat ini qiamulail kepada para pelatih diadakan pada setiap hari Sabtu malam Ahad pada jam 4.30 pagi sehingga menjelang waktu subuh. Program ini dilaksanakan oleh tenaga pengajar yang dijemput dari luar. Biasanya mereka terdiri dari kakitangan luar yang menjadi guru sekolah rendah agama dan kafa integrasi di kawasan yang berhampiran.

Tujuan menjadikan program qiamulail ini sebagai salah satu proses pemulihan ini adalah unruk memberi peluang kepada para pelatih untuk *muhasabah* diri. Sekiranya seseorang pelatih dapat muhasabah diri, mereka akan menyedari kesilapan yang pernah dilakukan dan berazam untuk tidak mengulangi kesilapan yang sama serta memperbaiki kualiti diri dari sehari ke sehari hingga mampu untuk membentuk keperibadian yang sihat, unggul serta bersih dari dosa sebagai persediaan ke hari akhirat.

Seterusnya amalan berpuasa sunat. Puasa adalah merupakan amalan yang dapat mencegah seseorang melakukan kemungkaran serta memberi peluang kepada seseorang untuk merasai kesusahan dalam menghadapi pelbagai ujian dan cabaran dalam hidup. Bagi pelatih-pelatih di PERKID mereka diwajibkan berpuasa pada setiap hari Isnin dan Khamis, ini merupakan amalan kebiasaan yang dilakukan oleh mereka. (Yunus, Don, & Shafie, 2011)

Tujuan diwajibkan berpuasa kepada pelatih-pelatih adalah untuk melatih diri pelatih supaya lebih sabar dan tabah dalam menghadapi dugaan yang diberi oleh Allah S.W.T. kepada hamba-hamba-Nya selain merasai kenikmatan hidup kerana telah diberi peluang untuk membaiki diri ke arah yang lebih baik.

Pelatih-pelatih yang baru dimasukkan ke sini diwajibkan untuk berpuasa selama 2 bulan. Dalam tempoh tersebut pelatih-pelatih juga dikehendaki untuk bermuhasabah diri dan berusaha untuk melupakan dosa lampau yang pernah mereka lakukan dalam kehidupan mereka satu masa dulu.

Selain itu, dengan berpuasa juga pelatih-pelatih ini dapat menyucikan hati mereka serta merasakan diri mereka berada lebih dekat dengan Allah S.W.T. Berpuasa ini juga dapat meningkatkan rasa keinsafan dan kesedaran terhadap penderitaan umat Islam lain yang hidup melarat. Islam sendiri menganjurkan umatnya bersederhana dalam hal-hal yang berkaitan pemakanan. (Yunus, Don, & Shafie, 2011).

AKHLAK, PERKID menjadikan amalan bertaubat sebagai salah satu daripada 5 modul yang digunakan untuk mendidik remaja berisiko. Taubat yang dimaksudkan oleh Ustaz Masridzi adalah dengan melakukan taubat nasuha iaitu menyesali dengan sebenar-benar menyesal akan kesilapan atau dosa yang telah dilakukan sebelum ini.

“Jadi sebab itu, nak membawa ilmu ni kena betul. Kena betul. Awal niat kena betul. Cara pelaksanaan pun kena betul. Adab, apa adab berubat, adab bertaubat. Taubat, apa makna taubat? Apa yang dikatakan dengan taubat an-nasuha, tuubu ilAllah S.W.T.i taubatan nasuha. Apa rukun taubat? Apa zikir rukun taubat? Macamana cara kita nak menzahirkan diri kita dengan taubat an-nasuha? Bukan senang nak dapat taubat nasuha.” (Ustaz Masridzi Min: 3.07)

PERKID juga mewajibkan setiap anak bina untuk menghafal *Manaqib* yang dikumpul oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani yang akan dibacakan setiap kali selepas solat Zohor. *Manaqib* tersebut diambil secara bersanad daripada guru-guru Ustaz Masridzi. Antara isi kandungan yang terdapat di dalam *manaqib* tersebut adalah syair-syair yang memuji Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani serta berharap supaya dengan karamah semasa hidupnya, pembaca dilimpahkan dengan rezeki yang melimpah ruah oleh Allah S.W.T. Ini termasuk juga mendidik mereka supaya berkelakuan baik kepada tetamu-tetamu yang hadir ke Rumah Sahabat PERKID. Seterusnya, selain daripada bertaubat, Ustaz Masridzi juga menggalakkan supaya anak-anak bina tersebut sentiasa beristighfar dan ini amalan menjadi permulaan bagi ratib Musabba’at. Antara fadhilat-fadhilat beristighfar ini dapat membersihkan hati manusia supaya menjadi lebih suci dan mudah untuk menerima nasihat. Apabila hati menjadi bersih, perlakuan juga akan terjaga kerana daripada hati yang bersih akan menzahirkan akhlak yang terpuji.

KETUHANAN, Antara amalan-amalan kerohanian lain yang diwajibkan di PERKID adalah seperti membaca Yassin setiap Isnin malam dan Khamis malam. Ini termasuk juga membaca tahlil jika berlakunya kematian dalam kalangan ahli keluarga anak bina tersebut atau masyarakat di sekitar PERKID.

Bacaan surah yasin dan solat hajat akan dipimpin oleh kakitangan PERKID ataupun dari kalangan pelatih sendiri. Bacaan yasin yang diadakan pada setiap minggu ini akan dilakukan secara berjemaah bersama-sama pelatih lelaki di Dewan Riyadhus Solihin PERKID. Pada malam itu juga setiap pelatih dikehendaki membawa sebotol air syifa’ (air telaga yang dicampurkan dengan pelbagai jenis air) untuk dibacakan yasin kemudiannya air tersebut akan diminum oleh pelatih-pelatih secara berjemaah.

Mereka juga mempunyai cara untuk meminum air yasin tersebut. Setiap pelatih dikehendaki memulakannya dengan bacaan bismillah, al-Fatihah, selawat nabi kemudian niat dalam hati apa tujuan air tersebut diminum. Setelah itu sapukan sedikit air tersebut pada muka dan dada setiap anak bina.

Zikrullah dan berwirid juga diwajibkan setiap setiap kali selepas solat maghrib dan juga isya'. Ini bertujuan untuk menggalakkan anak-anak bina ini mengingati Allah S.W.T. dan meningkatkan keimanan kepada Allah SWT. Bertepatan dengan apa yang ingin diterapkan oleh PERKID terhadap anak binanya iaitu mengesakan Allah S.W.T.

"Dan akhir sekali tiga, lima, tujuh, dia akan terhimpun di dalam satu, yang dipanggil Syuhudul Kasrah Fil Wahid, Wa Syuhudul Wahid Fil Kasrah. Apa makna dia? Membawa kebesaran Allah S.W.T. Yang Esa, Yang Satu kepada makhluk yang banyak. Dan membawa makhluk yang banyak untuk mengesakan Allah S.W.T. Yang Satu."(Ustaz Masridzi Min: 39.40).

Seterusnya menjadi kewajipan kepada anak-anak bina di PERKID ini untuk mengamalkan bacaan surah seperti Surah Al-Waqi'ah, Al-Kahfi dan Al-Mulk pada waktu-waktu tertentu. Sepertimana pembacaan surah Al-Kahfi dan Surah Al-Mulk sebelum waktu tidur yang bertujuan untuk menjaga dan menjadi benteng anak-anak bina ini daripada fitnah terbesar iaitu Dajjal dan daripada melakukan perkara-perkara yang mendatangkan dosa. Ustaz Masridzi sangat menekankan konsep ketaqwaan kepada Allah S.W.T. dan beristiqamah dalam melakukan perkara yang diperintah-Nya.

Ini dapat dilihat ketika pembinaan Kem PERKID di Hulu Langat di mana pihak PERKID mengalami kekurangan wang tetapi terpaksa untuk menyiapkan juga kem tersebut. Mereka tetap berterusan bekerja tanpa mengenal erti penat dan lelah kerana yakin rezeki Allah S.W.T. berada di mana-mana. Ini sedikit sebanyak mendidik anak-anak bina ini untuk terus beriltizam, beristiqamah dan bertawakkal kepada Allah S.W.T. dalam melakukan sesuatu perkara dan tidak mengambil jalan mudah seperti mencuri untuk memenuhi kepuasan ataupun keperluan diri.

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan elemen-elemen yang diterapkan oleh PERKID melengkapi makanan kerohanian yang diperlukan oleh remaja-remaja tersebut dan juga masyarakat lain secara amnya. Biarpun usaha yang dijalankan oleh PERKID mendapat tentangan dan cabaran daripada beberapa pihak, PERKID tetap terus berusaha membantu remaja berisiko ini kembali ke pangkal jalan. Elemen-elemen kerohanian yang diterapkan oleh PERKID adalah seperti elemen syariat, akhlak dan juga ketuhanan. Elemen-elemen ini diterapkan melalui program-program kerohanian seperti solat, puasa, wirid, ratib, bacaan ayat suci Al-Quran dan lain-lain. Kaedah yang digunakan PERKID mengambil kira 3 aspek yang perlu dijaga oleh umat Islam iaitu keimanan, syariat dan akhlak. Kaedah-kaedahnya adalah dengan membahagikan tempoh pentarbiyahan kepada tiga peringkat. Setiap peringkat mempunyai fokusnya yang tersendiri iaitu peringkat ilmu sufi, peringkat ilmu panglima dan peringkat ilmu khalifah. PERKID juga mengetengahkan lima modul yang terdapat dalam misi mereka iaitu berubat, bertaubat, beribadah, bermujahadah dan berhijrah. Setiap modul tersebut perlu dijalankan secara berperingkat dan tidak melangkau antara satu sama lain.. PERKID juga tidak terkecuali daripada menjadi tempat serangan musuh-musuh Islam dan mereka yang tidak memahami usaha yang murni ini. PERKID juga menghadapi beberapa masalah seperti masalah kewangan, jati diri anak bina yang enggan berubah dan sebagainya. Namun, proses tarbiyah dan penerapan elemen kerohanian tetap dijalankan. Hasil kajian ini perlu diperkenalkan kepada umum supaya masyarakat boleh mengambil bahagian dalam membantu memulihkan

remaja berisiko yang terdapat dalam negara ini sekaligus mendidik anak bangsa menjadi insan yang berguna

Rujukan

- Abdul Salam. (2003). *Imam Al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. .
- Affizal bin. Ahmad, Memahami Perapatan Rakan Sebaya di Kalangan Remaja Delinkuen, *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 33, Disember 2008.
- Ahmad, Y. b., Sipon, S. b., & Mutalib, M. M. (2007). Peranan Kerohanian Dalam Menangani Gejala Dadah. *Jurnal Anti Dadah Malaysia*, 137-154.
- Awang Nazarudin bin Awang Drahman, Maimun Aqsha bin Abdin Lubis. (2017). *AMALAN KEROHANIAN MEMBENTUK DISIPLIN PELAJAR. Perspektif Risalah An-Nur* .
- Axelrod, S. 1983. *The Effects of Punishment on Human Behavior*. New York: Academic Press.
- Azizi Yahaya, *Psikologi Sosial Alam Remaja*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005.
- Azizi Yahya, *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja Punca dan Rawatan*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2012
- Azizi, Y. (2011). Definisi Remaja Dan Pembentukan Konsep Kendiri Dalam Hubungannya Dengan Keluarga.
- Azyyati, M. H., Fariza, M. S., & Salasiah Hanin, H. (2013). Ciri-Ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. *Islamiyyat*.
- Baharin Mesir, Dr. Aminatuzuhariah M. Abdullah, Mohd Farhan Ngatman, Norsamsiah Muhamad. (2008). Kajian Pelaksanaan Program-Program Kerohanian Untuk Mahasiswa Di Universiti Teknologi Malaysia. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan* .
- Digman, J. M. 1989. Five Robust Trait Dimensions: Development, Stability & Utility. *Journal of Personality*
- Donovan, J, dan Jessor, R, "Structure of Problem Behavior in Edollescence and Young Adulthood" *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 53, 1985.
- Dr. James E. Gardner (1990). *Memahami Gejolak Masa Remaja*: Penerbit Mitra Utama, Jakarta. *Kulliyah of Education, International Islamic Education Malaysia* Sufean Hussin, 2002. *Masalah Remaja daripada Keluarga Ibu Tunggal*, Tinggi Press Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Fariza et al. (2015). Personaliti dari Perspektif Al-Ghazali. Bangi: Fakulti Pengajian Islam.
- Fraser, William, J. & Killer, Roy. 2003. Factor influencing academic success or failure of first-year and senior university students: do education students and lecturers perceive things differently. *South African Journal of Education*.
- Hurlock, Elizabeth. B, *Psikologi Perkembangan: Suatu pendekatan sepanjang rentang kehidupan* (edisi kelima), (Jakarta: Erlangga, 1993)

- Jessor, Richard, "Risky Driving and Adolescent Problem Behavior: An extension of Problem – Behavior Theory" *Journal of Alcohol, Drugs and Driving* 3, 1987.
- Khairani. (2012). "Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam Al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasmara di Negeri Kedah, Malaysia." *ATIKAN*. 2(1).
- Khalim Zainal, & Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). Pendekatan Islam Dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar Dalam Kalangan Pelajar Sekolah.
- Khalim Zainal. (2010). Pembentukan Tingkah Laku Remaja Menurut Barat dan Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A. H. 1943. A Theory of Human Motivation. *Psychology Review*, July. 388-389.
- Masridzi bin Sat, Pengenalan dan Sejarah PERKID, Kertas Kerja Kursus Intensif Sukarelawan PERKID, Mac 22-25 2009.
- Masridzi Bin Sat. (2009, Mac 22-25). Pengenalan dan Sejarah PERKID. *Kertas Kerja Kursus Intensif Sukarelawan PERKID*.
- Noresah bt. Baharom et al., Kamus Dewan, ed. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Revell, L. (2008). Spiritual Development in Public and Religious Schools. *Religious Education*.
- Rohana Hamzah, Kamarudzaman Md Isa & Roziah Mohd Janor. 2010. Spiritual Education Development Model. *Journal of Islamic and Arabic Education*.
- Rohana, Kamarudzaman & Roziah. (2010). "Spiritual Education Development Model." *Journal of Islamic and Arabic Education*.
- Roslan Bin Mohamed, "Gejala Sosial dan Kesannya Kepada Pembangunan Umat" (kertas kerja, Konvensyen Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor, Shah Alam: Intekma Resort & Convention Centre, 4 Jun 2009).
- Said Hawwa (1985), *al-Mustakhlash fi tazkiyah al-Anfus*, Kaherah: Dar al-Salam,
- Salasiah. (2010). "Bimbingan Spiritual Menurut Al-Ghazali dan Hubungannya dengan Keberkesanan Kaunseling: Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS)." *Jurnal Islamiyyat*.
- Schwebel, D. C., Severson, J., Ball, K. K & Rizzo, M. (2006). Individual Difference Factors In Risky Driving: The Roles Of Anger/Hostility, Conscientiousness, And Sensation- Seeking. *Accident Analysis and Prevention*.
- Sufean Hussin. (2002). *Masalah Remaja daripada Keluarga Ibu Tunggal*. Kuala Lumpur: Tinggi Press Sdn. Bhd.,.
- Wan Norina W. H., Zaharah H., Ahmad Fkrudin M. Y., & Ahmad Ariffin S. (2013) Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol 1 Issue 1.
- Yunus, A.R, Don, AG&Shafie,M, Aktiviti Dakwah Pertubuhan Kebajikan Darul Islah(PERKID) terhadap pelatih, *al-Hikmah* 3, 2011.

Zaharah Hussin.(2005). Mendidik Generasi Berakhlak Mulia : Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Masalah Pendidikan*. 28(1): 79-94.

Zainal Madon, Mohd,Sharani Ahmad, Panduan Mengurus Remaja Moden, PTS Profesional;Pahang, 2005.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, Noranizah Yusuf, (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*.